

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : NASIONAL

Kilang kopi berdaftar, ada GMP

GEORGETOWN - Kilang memproses dan mengeluarkan kopi segera berperisa durian didapati berdaftar dan mempunyai sijil Amalan Pengilangan Baik (GMP) selepas pemeriksaan dilakukan.

Pengarah Jabatan Kesihatan Pulau Pinang, Dr Wan Mansor Hamzah berkata, kilang itu juga didapati mematuhi syarat pensijilan diberikan.

Namun pihaknya masih menyiasat sama ada

berlaku pencemaran sepanjang proses membuat kopi tersebut.

"Kita telah buat lawatan. Kilang yang beroperasi sejak 2009 yang terletak di Seberang Perai itu mempunyai GMP.

"Namun, siasatan masih dijalankan sama ada ke- lainan campuran pada serbuk kopi iaitu pencemaran boleh berlaku di sepanjang rantaian (dari ia diproses di kilang hinggalah ke cawan kopi)," katanya.